Metodologi Imam Tirmizi

DR MUHAMAD ROZAIMI RAMLE

Syarat Imam Tirmizi

- Hadis-hadis dalam Sunan Tirmizi mempunyai pelbagai peringkat:

1. Hadis sahih yang mencapai syarat Bukhari dan Muslim.
2. Hadis sahih yang tidak mencapai syarat Bukhari dan Muslim tetapi mencapai syarat sahih mengikut syarat muhaddithin yang lain.
3. Hadis daif yang beliau nyatakan ‘illahnya.
4. Hadis yang dijadikan ulama sebagai sandaran dalil dalam hukum fiqh. Ini bermakna syarat Imam Tirmizi agak luas iaitu beliau akan letakkan dalam sunannya setiap hadis yang diamalkan oleh Fuqaha’ sama ada ia sahih atau tidak.

Metodologi Pemilihan Hadis

- Imam Tirmizi juga menjadikan anak murid perawi kepada lima martabat. Beliau memilih perawi martabat pertama, kedua dan ketiga untuk dimuatkan dalam sunannya.
- Beliau juga kadangkala memilih perawi martabat keempat dan beliau akan nyatakan status hadis mereka dalam sunannya.
- Beliau juga ada meriwayatkan dari perawi majhul dan daif dan beliau nyatakan sebab kedaifannya.

Keistimewaan Sunan Tirmizi

1. Al-'Ataf dan al-Tahwil. Beliau menggunakan kaedah al-'Ataf dan al-Tahwil untuk menggabungkan 2 sanad. Ia seperti metod Imam Muslim.

- Beliau berbeza dengan metod Muslim apabila beliau mendahulukan hadis yang ada kecacatan dan menjelaskan kecacatannya. Kemudian barulah beliau meriwayatkan hadis sahih. Ia berbeza dengan metod Imam Muslim yang mendahulukan hadis sahih dan mengkemudiankan hadis yang ma'lul (cacat).

2. Menyebutkan 2 atau lebih sanad kemudian menyatakan matannya selepas itu.

3. Menyebut 1 sanad bagi 1 matan sahaja.

4. Beliau mengisyaratkan sanad lain bagi hadis yang beliau riwayatkan. Maksud isyarat ialah beliau hanya menyebutnya secara ringkas tanpa membawakannya secara penuh. Seperti katanya selepas meriwayat hdis dengan sanad yang penuh:

Syu'bah meriwayatkan (hadis ini) dari 'Alqamah juga. (tanpa menyebutnya secara penuh)

5. Mengisyaratkan hadis lain bagi bab yang sama dengan hadis yang beliau riwayatkan. Contohnya Imam Tirmizi meriwayatkan dengan sanad penuh bagi 1 hadis. Kadangkala beliau akan isyaratkan terdapat hadis riwayat sahabat lain dari hadis yang beliau telah riwayatkan dengan berkata:

وفي الباب عن أبي هريرة وجابر

Maksudnya: Dalam bab ini ada hadis lain riwayat Abu Hurairah dan Jabir.

Istilah Khas Dalam Sunan Tirmizi

- Terdapat beberapa istilah khas dalam sunan Tirmizi.

- Sahih: Jika Imam Tirmizi menyatakan sesuatu hadis sebagai sahih dalam sunannya maka maksud sahih itu tiada beza dengan maksud sahih di sisi ulama hadis lain.
- Hasan: Apabila Imam Tirmizi menilai hadis sebagai hasan maka maksudnya seperti berikut:

- Imam Tirmizi sendiri memberikan definisi hasan di sisi beliau dengan katanya:
- Hadis hasan ialah setiap hadis yang diriwayatkan tiada di dalam sanadnya perawi yang dituduh berdusta, tidak syaz (ganjil) dan ia diriwayatkan dengan lebih dari satu jalur.
- Ini bermakna hadis hasan di sisi Tirmizi ialah hadis hasan lighairih di sisi ulama lain kerana beliau mensyaratkan hadis hasan mesti ada penyokong dari jalur lain.

- Ghorib: Apabila Imam Tirmizi menilai hadis sebagai ghorib maka maknanya sama ada hadis tersebut ghorib mutlak atau ghorib nisbi. Kita perlu melakukan takhrij untuk menentukan sesuatu hadis yang beliau hukum sebagaai ghorib untuk mengetahui sama ada ia ghorib mutlak atau nisbi.

- Hasan ghorib: Merangkumi 2 maksud:

1. Maksudnya ialah hasan lizatih. Ini merangkumi lafaz: "Hasan ghorib, kami tidak mengetahuinya melainkan dengan jalur ini" atau "hasan ghorib". Ia bermakud hadis hasan lizatih.

2. Tetapi jika Tirmizi sebut "hasan gharib dari jalur ini" maknanya ialah hasan lighairih yang mempunyai banyak jalur tetapi jalur yang Imam Tirmizi bawakan dalam sunannya ghorib iaitu ghorib nisbi.

- Hasan sahih: Ulama berbeza pendapat tentang maksudnya. Berikut pendapat mereka:

1. Ibn Solah menyatakan hasan sahih bermakna hadis itu mempunyai 2 atau lebih sanad. Sebhagian sanad berstatus sahih dan sebahagian yang lain berstatus hasan.

- Pandangan ini tidak tepat kerana terdapat hadis yang Tirmizi hukum sebagai hasan sahih ghorib yang bermaksud ia tidak ada kecuali 1 sanad sahaja.

2. Ibn Daqiq al-'Ied: Hasan sahih bermaksud hadis itu sahih. Dinamakan hasan sahih kerana ia merangkumi syarat hadis hasan dan syarat hadis sahih.

- Pandangan ini tidak benar kerana syarat hadis hasan pada Tirmizi ialah ia mempunyai banyak jalur. Sedangkan hadis hasan sahih terdapat yang ghorib (tidak banyak jalur).

3. Ibn Kathir: Ibn Kathir menyatakan hasan sahih bermaksud ia tidak mencapai darjat sahih. Tetapi ia melebihi syarat hasan. Maka ia dinamakan hasan sahih.

- Pandangan ini juga tidak tepat kerana terdapat hadis hasan sahih yang ada dalam sahih bukhari dan muslim yang statusnya sahih tahap tinggi.

4. Ibn Hajar:

- Jika hadis yang dinilai hasan sahih oleh Tirmizi mempunyai 1 sanad sahaja maka maksudnya ulama berbeza pendapat tentang statusnya sama ada ia sahih atau hasan. Sahih pada sebahagian ulama, hasan pada sebahagian ulama yang lain.
- Jika hadis yang dinilai hasan sahih mempunyai 2 atau lebih sanad maka ia sahih pada 1 sanad, hasan pada sanad yang lain.

5. Pendapat yang tepat ialah hasan sahih bermakna hadis itu sahih. Hasan pula bukan hasan dari sudut istilah tetapi hasan dari sudut bahasa sahaja iaitu hadis itu baik/cantik lagi sahih. Wallahua'lam.